

**KERTAS KERJA UNTUK PERTIMBANGAN MESYUARAT MAJLIS
BERSAMA KEBANGSAAN BAGI PEKERJA-PEKERJA
PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**

CADANGAN MENKAKJI SEMULA KADAR LAPORAN PERUBATAN DI HOSPITAL - HOSPITAL DAN INSTITUSI PERUBATAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

1.0 TUJUAN

1.1 Kertas kerja ini adalah bertujuan untuk memohon pertimbangan Kerajaan mengenai cadangan untuk menaikan bayaran laporan perubatan di hospital-hospital dan institusi perubatan Kementerian Kesihatan Malaysia.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Laporan Perubatan adalah dokumen yang disediakan oleh pengamal perubatan berdaftar yang berkhidmat dengan Kerajaan Malaysia (**Akta Fi 1951 – Perintah Fi (Perubatan) 1982 (P.U.(A) 359 ms1117 Bhg 3. Jadual H)**) mengenai masalah kesihatan dan rawatan yang diperolehi oleh seseorang pesakit di hospital atau mana-mana kemudahan kesihatan berdasarkan rekod perubatan pesakit tersebut.

2.2 Berikut adalah bayaran yang dikutip untuk laporan perubatan mengikut kategori (untuk warganegara Malaysia):

Laporan Perubatan	Kadar Bayaran (RM)
Pegawai perubatan	40
Laporan Ringkas/Pendapat Pakar	80
Laporan Perubatan Terperinci Pakar (sila rujuk Lampiran 1 untuk keterangan lanjut)	200 – 1000

2.3 Pengecualian bayaran meliputi permohonan dari:

- Polis
- Jabatan Kerajaan (untuk tujuan pentadbiran).
- Pesakit yang mendapat surat akuan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat dengan menyertakan Kad Pendaftaran Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).
- Biro bantuan guaman.
- Borang BAT F117 untuk tentera yang disertakan bersama surat pengesahan dari Pegawai Pemerintah.

3.0 ASAS PERTIMBANGAN

- 3.1 Bayaran laporan perubatan untuk warga Malaysia tidak disemak semula sejak tahun 1951.
- 3.2 Penyediaan laporan perubatan merupakan tugas sampingan untuk pegawai perubatan/pakar. Pegawai perubatan dan pakar mempunyai tanggung jawab untuk merawat pesakit, mengendalikan klinik pesakit luar, rondaan wad, tugas atas panggilan, dan menghadiri pelbagai mesyuarat jabatan / hospital di samping menyediakan laporan perubatan.
- 3.3 Pihak hospital akan menyediakan laporan perubatan dalam tempoh yang ditetapkan dan dikira dari tarikh permohonan lengkap diterima:
- | | | |
|----------------------|---|----------|
| Hospital Negeri | – | 4 minggu |
| Hospital Berpakar | – | 2 minggu |
| Hospital Tanpa Pakar | – | 2 minggu |
- 3.4 Penyediaan laporan perubatan berkaitan medikolegal memerlukan doktor berkenaan bersedia untuk ke mahkamah dan memberi keterangan jika diperlukan.
- 3.5 Pihak insuran sering kali meminta penjelasan ataupun laporan ulangan untuk laporan asal yang disediakan.

3.6 Bayaran laporan perubatan di negara-negara lain adalah 6 hingga 7 kali ganda dari bayaran yang dikenakan di Malaysia.

4.0 IMPLIKASI KEWANGAN

4.1 Tiada implikasi kewangan kepada kerajaan

5.0 KESIMPULAN

5.1 Permohonan ini adalah untuk dipertimbangkan kerajaan kadar bayaran untuk laporan perubatan dikaji semula dan menaikkan kadar tersebut.

6.0 SYOR

6.1 Berdasarkan kepada penjelasan di atas, Mesyuarat Majlis Bersama Kebangsaan Bagi Pekerja-pekerja Pengurus dan Profesional dipohon untuk menimbang syor untuk mengkaji semula kadar bayaran laporan perubatan di hospital – hospital dan Institusi Perubatan Kementerian Kesihatan Malaysia seperti yang dicadangkan di Lampiran 2.

Lampiran 1 : Bayaran bagi Laporan Perubatan Terperinci Pakar

Laporan Perubatan	Kadar Bayaran (RM)
Penyediaan laporan Perubatan dimana maklumat pesakit diperolehi dari Rekod Perubatan pesakit tanpa pemeriksaan lanjut ke atas pesakit.	200
Penyediaan laporan Perubatan termasuk status terkini keadaan dan pendapat berhubung dengan kemajuan penyakit di mana pesakit perlu datang semula untuk pemeriksaan lanjut.	400
Penyediaan laporan Perubatan termasuk status terkini keadaan dan pendapat berhubung dengan kemajuan penyakit di mana pesakit perlu datang semula beberapa kali untuk pemeriksaan lanjut.	600
Penyediaan laporan Perubatan termasuk status terkini keadaan dan pendapat berhubung dengan kemajuan penyakit di mana pesakit perlu masuk wad untuk penilaian, pemerhatian dan penyiasatan lanjut sebelum pendapat Pakar boleh diperolehi.	800

Penyediaan laporan Perubatan di mana termasuk status terkini keadaan dan pendapat berhubung dengan kemajuan penyakit dan juga hasil penyiasatan dari hospital dirujuk, di mana perlu dirujuk ke hospital lain untuk penyiasatan lanjut sebelum pendapat pakar boleh diperolehi)	1000
---	------

Lampiran 2 : Cadangan Kadar Bayaran Baru Laporan Perubatan

Laporan Perubatan	Kadar Bayaran sejak 1951(RM)	Kadar Bayaran Baru dicadangkan (RM)
Pegawai Perubatan	40	100
Laporan Ringkas/Pendapat Pakar	80	200
Laporan Perubatan Terperinci Pakar	200 - 1000	400 – 2000

Disediakan oleh,

DR ARVINDRAN A/L ALAGA
Timbalan Pengerusi Majlis Bersama Kebangsaan
[Pengurusan dan Professional]
Timbalan Setiausaha
Persatuan Perubatan Malaysia